

KPDNHEP Pahang rekod 49 kesalahan peniaga

KUANTAN - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pahang merekodkan 49 kesalahan yang dilakukan peniaga di Pahang melalui empat operasi Skim Kawalan Harga Musim Perayaan pada tahun ini.

Timbalan Ketua Pegawai Penguasa Pahang, KPDNHEP Pahang, Ahmad Fitri Ali berkata, daripada jumlah itu sebanyak RM5,300 kompaun dikenakan terhadap peniaga yang melakukan pelbagai kesalahan.

"Antara kesalahan yang dikesan ialah membabitkan kegagalan peniaga meletakkan tanda harga khas berwarna merah jam-



Ahmad Fitri menjalankan pemeriksaan di sebuah pasar raya di Kuantan semalam.

bu pada harga terkawal dan tidak mempamerkan tanda harga," katanya pada sidang media Walakabout Pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim. Perayaan

Krismas di sini semalam.

Katanya, skim kawalan harga diadakan selama 10 hari bermula semalam sehingga 31 Disember ini.